



17 Oktober 2017  
17 October 2017  
P.U. (A) 315

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (LEBUH RAYA DUTA-ULU KELANG FASA 2 SRI DAMANSARA LINK) 2017

### *FEDERAL ROADS (DUTA-ULU KELANG EXPRESSWAY PHASE 2 SRI DAMANSARA LINK) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959**

**PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (LEBUH RAYA DUTA-ULU KELANG FASA 2 SRI DAMANSARA LINK) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Selangor, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Lebuhraya Duta-Ulu Kelang Fasa 2 Sri Damansara Link) 2017.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 23 Oktober 2017.

**Perisytiharan jalan sebagai jalan Persekutuan**

2. (1) Bahagian jalan yang dikenali sebagai Sri Damansara Link yang merupakan sebahagian daripada Lebuhraya Duta-Ulu Kelang Fasa 2 yang bermula dari kilometer 0.00 (di koordinat U 2712.212, T -9384.276 Grid Cassini Negeri Selangor) di Jalan Lingkaran Tengah II (suatu jarak yang diukur dari Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur) dan berakhir di kilometer 0.19 (di koordinat U 2641.197, T -9207.207 Grid Cassini Negeri Selangor) termasuk Persimpangan Bertingkat Menjalara, iaitu suatu jarak sepanjang 0.19 kilometer, diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan.

(2) Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

## JADUAL

## PETA LEBUH RAYA DUTA-ULU KELANG FASA 2 SRI DAMANSARA LINK

